UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11)
STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14) PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian...

BM

(https://www.upm.edu.my)

Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

(https://www.malaysia.gov.my/portal/index)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19)
KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

(/) » BERITA (/BERITA) » SPM tiada A punca titik tolak Azri genggam ijazah di usia 37 tahun

Senarai Berita (/berita)

# SPM tiada A punca titik tolak Azri genggam ijazah di usia 37 tahun

Oleh Nurul Amiraa Mohamed Rafiq

LIHAT JUGA



Wanita berbakat dekorasi rumah genggam ijazah (/berita/wanita_berbakat_dekorasi_rumah_genggam_ijazah-54099)



Penembak Sukan SEA peroleh ijazah (/berita/penembak_sukan_sea_peroleh_ijazah-54097)



Palsi serebrum bukan halangan genggam ijazah doktor falsafah (/berita/palsi_serebrum_bukan_halangan_genggam_ijazah_doktor_falsafah-54093)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1575359137






SERDANG, 17 Nov - "Saya pernah berjanji pada diri perlu terima diploma sebelum usia 30 dan ijazah sebelum usia 40. Akhirnya hari ini janji ini tercapai," mata Azri mula berkaca-kaca.

Bukan saja menghadapi cabaran besar dalam meneruskan pendidikan ketika berusia 30-an, malah pengorbanan mengenepikan minat yang mendalam dalam bidang sukan karate-do adalah antara pengalaman yang diceritakan Mohamad Azri Zainal sempena Majlis Konvokesyen ke-43 Universiti Putra Malaysia (UPM).

Keluarga cukup kecewa dengan keputusan SPM yang diterima dan pada ketika itu penglibatan aktif dalam sukan karate-do sehingga berjaya memenangi pingat emas Kejohanan Remaja Kebangsaan dikatakan punca kegagalan Azri dalam SPM tahun 2000.

"Penglibatan sukan sahaja tak boleh membantu diri ini, kalau tidak berundur sekarang mampukah saya sambung pengajian lagi?," kata Azri mempersoal akan situasi dirinya 19 tahun yang lalu. Persoalan itu bukan sekali dua lalu di benak fikirannya, malah puluhan kali.

Menyambung pengajian ke peringkat Sijil, bekerja sebagai mekanik di Perodua, bertukar pekerjaan kepada penjawat awam juruteknik Gred J17 di Lembaga Pertubuhan Peladang, menjalankan pengajian diploma jarak jauh sambil bekerja, dinaikkan pangkat kepada penolong jurutera kanan selepas menerima diploma, dan menyambung pengajian peringkat bacelor di UPM sejak 2015, satu demi satu perjalanan kehidupan Azri dirangka bagi memastikan beliau tidak patah semangat walaupun setelah melalui episod kegagalan SPM.

"Dari semester satu sehingga tiga di UPM, saya bercuti tanpa gaji ekoran syarikat tempat saya bekerja tidak meluluskan

permohonan cuti bergaji penuh atas kekangan pendidikan, pernah sekali saya buat kerja sampingan menyediakan kertas kerja bagi syarikat-syarikat pertanian namun tidak menerima sebarang bayaran seperti yang diharapkan."

Rayuan pemohonan cuti bergaji penuh kali kedua Azri diluluskan bermula semester ke-4 pengajian ijazahnya sekali gus berjaya meleraikan beban keresahannya dalam menanggung tanggungan keluarga pada awal tahun 2017.

Pada hari ini, Azri atau Azri Zainal berjaya menggenggam Bacelor Kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem) disamping isteri dan ibu tercinta.

Azri kini telah mula bertugas di Kedah dengan syarikat sama di bawah kontrak perjanjian pekerjaan sebelum ini dan tidak menolak impian untuk menyambung pengajian lagi ke peringkat master dalam bidang sama. . – UPM

Tarikh Input: 02/12/2019 | Kemaskini: 03/12/2019 | hairul_nizam

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fspm_tiada_a_punca_titik_tolak_azri_genggam_ijazah_di_usia_37_tahun-54081&title=SPM%20Tiada%20A%20Punca%20Titik%20Tolak%20Azri%20Genggam%20Ijazah%20Di%20Usia%2037%20Tahun%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)

(https://play.google.com/store/apps/details?id=upm.mobile.v6) (http://www.pertanika.upm.edu.my)

(http://www.learninghub.upm.edu.my) (http://www.psasir.upm.edu.my/)

(https://smp.upm.edu.my) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

(http://eclaims.upm.edu.my/login/) (http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)

(http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2019 Universiti Putra Malaysia

B1575359137

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

B1575359137